

# KUIN harungi cabaran lakar masa depan

Oleh DR. AHMAD SOHAIMI LAZIM

PADA 11 dan 12 Januari lalu, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) mengadakan majlis konvokesyen ke-15, yang buat pertama kalinya diadakan di kampus barunya di Kuala Ketil, Baling, Kedah.

Acara penuh istiadat itu adalah langkah pertama KUIN dalam tahun 2014 - menandakan ia sudah bersedia menggalas tanggungjawab menghadapi cabaran dan segala masalah bagi mencapai matlamat menjadi sebuah institusi pengajian tinggi tersohor, bukan hanya di peringkat tempatan malahan antara bangsa.

Konvokesyen selama dua hari ini dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada hari pertama melibatkan seramai 1,352 graduan dalam pelbagai bidang, ia meliputi tiga penerima ijazah doktor falsafah, 46 penerima ijazah sarjana, 889 penerima ijazah sarjana muda manakala bakinya seramai 414 orang menerima diploma.

Konvokesyen ini besar artinya kepada KUIN kerana membuktikan kemampuan melahirkan graduan walaupun pernah berhadapan pelbagai kemelut. Sebagai institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan dengan hasrat mengembangkan ilmu dalam bidang pengajian Islam dan kontemporari lain, KUIN memainkan peranan memenuhi tanggungjawab fardu kifayah kepada umat Islam dengan menyediakan peluang kepada mereka untuk mempelajari ilmu dalam Islam seperti pengajian al-Quran, Bahasa Arab, Syariah dan Usuluddin.

Kelebihan KUIN dalam menawarkan program ini adalah menggunakan tenaga penyarah dari Asia Barat termasuk dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Sebahagian besar kuliahnya dijalankan dalam bahasa Arab dan Ingeris, dua medium pengantaraan yang penting di dunia masa kini. Pada masa depan, KUIN berhasrat menjadikan bidang pengajian ini sebagai *niche* tanpa mengingirkan bidang yang lain.

KUIN turut menawarkan program pengajian ijazah dalam bidang yang amat diperlukan kini seperti pentadbiran perniagaan, kewangan dan perbankan Islam, perakaunan, kejuruteraan teknologi maku-

**Kampus KUIN di Kuala Ketil bakal menjadi mercu tanda dan lambang keilmuan di daerah Baling khasnya dan di Kedah amnya. Kampus indah dilengkapi pelbagai kemudahan moden ini juga bakal menjadi pusat pelbagai aktiviti keilmuan, sukan, kemasyarakatan dan kerohanian**

Dalam usianya yang kini mencecah 20 tahun, KUIN masih boleh dianggap muda berbanding institusi lain yang lama wujud.

Tidak dinafikan bahawa sedikit masa dahulu, KUIN berhadapan masalah pentadbiran dan kewangan yang sedikit-sebanyak menjejaskan prestasinya. Bagaimanapun kini di bawah pentadbiran baru yang diketuai Rektornya Prof. Datuk Mohd. Yusof Kasim, seorang yang berpengalaman luas dalam pentadbiran IPTA dan IPTS, KUIN merancang untuk keluar dari belunggu masalah bagi mencapai hasrat menjadi sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka.

Dengan kampus baru yang bernilai lebih RM300 juta, ia mampu menawarkan kemudahan dan persekitaran pembelajaran lebih baik serta kondusif.

Setakat ini, KUIN berjaya memperoleh tahap empat dalam penilaian sistem SETARA iaitu peringkat sangat baik yang diberikan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Dari segi akademik dan pengantarabangsaan, taraf universiti penuh penting bagi meningkatkan kepercayaan dan kredibiliti sebagai gedung ilmu. Berdasarkan kemudahan fizikal yang dimiliki, jumlah pelajar serta program akademik yang ditawarkan serta dokongan kuat kerajaan negeri, hasrat murni KUIN untuk menjadi universiti penuh diharapkan tidak menghadapi banyak masalah.

Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir selaku Pengerusi Lembaga Pengarah KUIN telah menegaskan komitmen kerajaan negeri membantu KUIN

pi pelbagai kemudahan moden ini juga bakal menjadi pusat pelbagai aktiviti keilmuan, sukan, kemasyarakatan dan kerohanian bagi manfaat masyarakat setempat.

Kewujudan KUIN diharapkan membantu memajukan masyarakat tempatan dengan pelbagai peluang ekonomi yang bakal dijana.

Dalam mencapai hasrat murni ini, diharapkan semua pihak khususnya kakitangan dan pelajar KUIN berfikir terbuka dan positif dengan melihat masa depan dan wawasan mencapai taraf universiti terkemuka sebagai keutamaan berbanding perkara lain.

Ketepikanlah perbezaan ideologi politik dan tutup sejarah silam KUIN agar tumpuan dapat diberikan kepada usaha mencapai wawasan masa depan.

**PENULIS** ialah Profesor Madya dan Penyarah Pusat Pengajian Umum (PPU), KUIN.

walaupun menyedari bebanan kewangan besar yang terpaksa ditanggung termasuk dalam membangunkan kampus baru di Kuala Ketil. Keutamaan pastinya diberikan kepada soal kebajikan pelajar dan kakitangan. Oleh yang demikian menjelang perpindahan operasi KUIN ke Kuala Ketil pada pertengahan tahun ini, isu tempat tinggal pelajar dan kakitangan akan diberi perhatian sewajarnya. Pelaburan RM330 juta bagi membangunkan kampus Kuala Ketil bukannya kecil namun kerajaan negeri sedar bahawa ia adalah jangka panjang ke arah menjadikan Kedah sebagai hab pendidikan peringkat di rantau ini.

Kampus KUIN di Kuala Ketil bakal menjadi mercu tanda dan lambang keilmuan di daerah Baling khasnya dan di Kedah amnya. Kampus indah yang dilengkap-

**KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH**



**KAMPUS tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di Kuala Ketil, Kedah yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku**